

Utusan Malaysia

26 JANUARI 2023

Berkurung takut amukan gajah

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD
utusannews@mediamulia.com.my

LIPIS: Amukan gajah yang membunuh seorang remaja Orang Asli dua minggu lalu meresahkan kira-kira 4,000 penduduk dari 21 perkampungan di Pos Senderut, di sini untuk mencari rezeki dalam hutan dan berkenan bung sihingga memaksa mereka berkurban dalam rumah.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Toi Batin Kampung Tual Pos Senderut, Yok Ek Cantan berkata, penduduk seolah-olah berada pada zaman darurat dengan terkurung di rumah kerana takut serangan gajah.

Katanya, selain mencari rezeki

di hutan, penduduk juga mengetahui, menanam tanaman kontan seperti ubi kayu dan memiliki kebun durian sebagai sumber pendapatan.

"Berikutnya itu penduduk di kawasan ini termasuk lebih 200 penduduk dari 80 keluarga Kampung Tual merayu kerajaan menyalurkan barangang makanan kering dan basah untuk kegunaan harian buat waktu ini.

Penduduk percaya gajah tunggal setinggi kira-kira tiga meter dengan gading sepanjang hampir satu meter akan datang lagi walaupun ada usaha daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) menghalauinya ke kawasan

habitat semula jadi," katanya ketika ditemui di Kampung Tual, semalam.

Yok Ek berkata, walaupun hutan adalah sebahagian kehidupan masyarakat Orang Asli di Kampung Tual turun temurun, tetapi dua minggu lalu kali pertama gajah membunuh penduduk di kampung tersebut.

Dia berharap Perhilitan mengambil langkah terbaik bagi mengatasi ancaman gajah itu.

Pada 9 Januari lalu, seorang remaja Orang Asli, Andy Yok Manin, 15, maut dipijak dan ditusuk gading gajah liar di Kampung Tual ketika mahu mencari petali hutan bersama abang dan seorang rakanannya.



MASYARAKAT Orang Asli Kampung Tual Pos Senderut di Lipis. Pahang meluahkan kebimbangan kepada Pegawai Khas Ahli Parlimen Cameron Highlands, S. Henry (kiri) berhubung keselamatan mereka ekoran amukan gajah liar. - UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD



Jalan rosak jejaskan rutin harian lebih 1,000 Orang Asli

Oleh AIMUNI TUAN LAH
utusannews@mediamulia.com.my

GUA MUSANG: Lebih 1,000 masyarakat Orang Asli suku Temiar di Pos Gob di sini mendakwa rutin harian mereka termasuk menghantar anak ke sekolah terjejas susulan jalan perhubungan ke luar dan masuk rosak lebih enam bulan lalu.

Dakwa penduduk, keadaan bertambah buruk apabila laluan itu rosak teruk akibat hujan ekoran Monson Timur Laut.

Seorang penduduk, Nordin Pandak, 55, berkata, masalah itu menyebabkan dia terpaksa berjalan kaki dan menyeberangi sungai untuk ke kampung sebelah.

"Bagaimanapun, ada penduduk yang terpaksa mengambil risiko menyeberangi sungai menggunakan motosikal untuk ke kampung seberang bagi urusan harian.

"Walaupun tindakan itu berbahaya, namun kami terpaksa bergadai nyawa kerana hanya itu sahaja kemudahan yang ada ketika ini," katanya ketika ditemui pemberita semalam.

Seorang suri rumah, Rohani Adik, 32, memberitahu, sekiranya keadaan jalan masih rosak teruk, anak sulungnya, Noraini Adi, 13, tidak dapat ke sekolah menengah



SEORANG penduduk Orang Asli menunjukkan keadaan jalan perhubungan masuk ke kawasan kampung mereka yang rosak akibat hujan di Gua Musang, Kelantan. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

di bandar Gua Musang.

Katanya, sejak jalan rosak anaknya hanya mampu belajar sendiri di rumahnya di Kampung Gob sedangkan dia akan menyambung persekolahan di tingkat satu.

"Saya harap pihak kerajaan dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) boleh membantu dengan menyediakan pengangkutan uda-

ra kepada pelajar di sini untuk memulakan sesi persekolahan.

"Hal ini kerana pacuan empat roda berkemungkinan besar tidak dapat digunakan ekoran permukaan jalan yang rosak terlalu teruk," ujarnya.

Seorang lagi penduduk Amoi Along, 60, berkata, kebanyakan warga emas di kampung itu telah terputus bekalan ubat selama dua

bulan ekoran daripada keadaan jalan darat yang tidak dapat dilalui oleh pasukan Kementerian Kesihatan bagi membuat pemeriksaan kesihatan secara berkala.

Katanya, sebelum ini pasukan kementerian tidak dapat masuk ke Pos Gob untuk menghantar ubat kerana jalan balak rosak dan mereka terpaksa berpatah balik apabila sampai di Sungai Blaer.